

# 'Rusuhan di luar negara harus jadi pengajaran penting'

PM gesa kukuhkan perpaduan rakyat berbilang bangsa demi kekalkan keamanan

Oleh Mary Victoria Dass  
bhnews@bh.com.my

**Iskandar Puteri:** Pelbagai insiden rusuhan di beberapa negara ketika ini perlu dijadikan pengajaran kepada Malaysia mengenai pentingnya pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa sebagai tonggak keamanan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pengukuhan perpaduan ini bukan sekadar membawa keamanan, malah kemakmuran dari segi ekonomi.

"Kita bersyukur betul, Alhamdulillah. Kalau dibandingkan dengan banyak negara lain, Malaysia jauh lebih aman. Rusuhan berlaku di mana-mana," katanya ketika berucap pada Majlis Penutup Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) 2025, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.



Tindakan biadab rejim Zionis semakin tidak terkawal.

(Foto afp)

## Kecam rejim Zionis

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengecam tindakan biadab rejim Zionis yang semakin tidak terkawal apabila menyerang enam negara dengan sokongan terbuka kuasa besar dunia.

"Tindakan itu jelas membuktikan betapa agresif dan tidak berperikemanusiaan rejim Zionis," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, agensi dan jabatan agama Islam perlu tampil sebagai pencetus serta penggerak utama

dalam pembangunan negara ke arah masa depan yang lebih hebat, namun berlandaskan nilai Islam dan akhlak mulia.

Beliau berkata, usaha itu termasuk melaksanakan transformasi ke arah digitalisasi dan penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI).

"Saya minta supaya semua dasar negara, termasuk program pembangunan desa hingga bidang digital dan AI, perlu mengambil input daripada sudut pandangan Islam," katanya.